

Istikharahlah, kerana musuh perkara terbaik ialah perkara yang baik

# SOLUSI

PANDUAN  
HIDUP  
BERSYARIAT


2012 | PP 15048/05/2012 (029644)

MOTIVASI · FARDUAIN ·

ISU No. 42

## PASRAH DENGAN ISTIKHARAH

Bagaimana seharusnya sikap kita apabila berdepan dengan dua perkara yang hukumnya sama-sama harus, sama-sama baik, dan sama-sama bermanfaat, tetapi kita hanya boleh memilih hanya satu?



Apa Legasi Kita? 96

Gambar Kita, Tanggungjawab Kita 52

Barah Rasuah 12

Kahwin Koboi 76

Solat Bersama Jin 92

ISSN 1985-5400  
9 771985 540003  
AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS  
(Incorporated in Malaysia)  
TELAGA BIRU SDN. BHD.  
RM 10.00 (SEM)  
RM 12.00 (S/S)  
SGD 7.50  
BND 7.50  
USD 10.00  
EUR 8.00  
IDR 35,000.00  
AUD 7.50

Keimanan terhadap qadar merupakan salah satu daripada rukun iman. Rukun iman yang enam menetapkan bahawa wajib beriman kepada qadak dan qadar Allah (ketetapan dan kehendak Allah). Ini jelas dinyatakan dalam sabda Nabi s.a.w. apabila disoal tentang iman oleh Jibrail a.s.

Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: "Kamu beriman kepada Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya, hari akhirat dan beriman dengan qadar yang baik dan buruknya." (Riwayat Muslim no. 1)

#### Kewajipan Beriman dengan Qadar


Pada zaman para sahabat, muncul satu golongan yang beriktikad bahawa tiada qadar. Sebaliknya bagi mereka, setiap perkara berlaku begitu sahaja tanpa ada ilmu bagi Allah terhadap perkara tersebut. Ini bermaksud, Allah tidak berkehendak dan tidak mengetahui perkara yang akan berlaku. Maka, Allah hanya mengetahui apabila sesuatu perkara itu berlaku.

Sebagai contoh, dikatakan bahawa Allah tidak mengetahui sama ada esok akan hujan atau tidak. Contoh lain, Allah tidak mengetahui siapa yang akan mati pada

**Sifat al-'Alim meliputi segala perkara. Allah Taala mengetahui sejak azali lagi akan perkara-perkara yang bakal berlaku sebelum ia berlaku.**

**Bahkan, Allah Taala menentukan masa sesuatu perkara itu berlaku, tempat ia berlaku, kadar ia berlaku, bentuk, sifat dan sebagainya.**

# Kehendak Allah Pasti Berlaku



hari ini. Apabila turun hujan atau berlaku kematian, barulah Allah mengetahui tentang kedua-duanya.

Iktikad sebegini dibawa kepada pengetahuan sahabat Nabi bernama 'Abdullah bin 'Umar r.a. Abdullah menjelaskan bahwa beliau berlepas diri daripada golongan yang beriktiad sedemikian.

Bahkan, beliau menegaskan: "Jika seseorang daripada mereka mempunyai emas sebesar bukit Uhud dan menafkahkannya, maka Allah tidak akan menerimanya sehingga dia beriman dengan qadar." (Riwayat Muslim no. 1)

Namun, timbul persoalan apabila keimanan terhadap qadar tidak disebut secara jelas dalam nas al-Quran. Oleh sebab itu, ada fahaman yang menolak keimanan terhadap qadar sebagaimana fahaman yang wujud pada zaman Abdullah bin Umar. Mestilah diketahui bahawa sebenarnya keimanan kepada qadar termasuk dalam keimanan kepada Allah. Ini kerana keimanan kepada qadar ialah keimanan kepada sifat Allah Yang Maha Mengetahui bagi setiap sesuatu, dan ia berlaku dengan kehendak (*iradah*) dan kuasa (*qudrat*) Allah.

Keimanan kepada qadar merupakan antara asas keimanan. Penolakan terhadap salah satu daripada rukun iman akan merosakkan iman. Oleh sebab itu, menolak keimanan kepada qadar akan merosakkan iman yang sebenar.

### Kekeliruan dalam Memahami Qadar

Berlaku kekeliruan dalam memahami maksud di sebalik keimanan terhadap qadar. Akibat kekeliruan tersebut, ada pandangan menyatakan bahawa Allah itu zalim kerana Allah telah menetapkan apa-apa yang akan berlaku.

Ketetapan Allah ialah kehendak Allah. Dan kehendak Allah pasti dan mesti berlaku sebagaimana kehendak-Nya. Jika ketetapan Allah menetapkan seseorang itu ialah ahli neraka, maka ia akan dimasukkan ke dalam neraka walaupun ibadatnya amat banyak. Sebaliknya, jika ketetapan Allah menghendaki seseorang menjadi ahli syurga, maka dia akan dimasukkan ke dalam syurga walaupun dia banyak melakukan maksiat dan kederhanaan terhadap Allah.

Ada juga pandangan yang menyatakan bahawa kita sebagai manusia tidak perlu melakukan apa-apa. Ia termasuk dalam aspek kehidupan dunia mahupun nasib di akhirat nanti. Dalam aspek kehidupan dunia, jika Allah berkehendak agar kita menjadi kaya, maka kita akan kaya walaupun malas berusaha. Jika Allah berkehendak agar kita sihat, maka kita akan sihat walaupun kita tidak pernah mengawal

### Peringkat dalam Qadar Allah

Peringkat	Penjelasan al-Quran
Allah Taala <b>mengetahui</b> sebelum ia berlaku	"Tidak akan lenyap daripada pengetahuan Tuhanmu sesuatu pun, biarpun sebesar zarah di bumi atau di langit. Tidak ada yang lebih kecil dan tidak ada yang lebih besar daripada itu melainkan semuanya tertulis dalam Kitab yang nyata." (Surah Yunus 10: 61)
Segala yang berlaku <b>terjadi mengikut kehendak Allah</b>	"Dan jika Tuhanmu berkehendak, maka golongan yang datang selepas mereka tidak akan berperang selepas datang kepada mereka keterangan (yang dibawa oleh rasul mereka). Tetapi mereka telah bertelingkah, maka wujudlah antara mereka; ada yang beriman dan ada yang kufur. Dan sekiranya Tuhanmu berkehendak, maka mereka tidak akan berperang, tetapi Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya." (Surah al-Baqarah 2: 253)
Allah Taala <b>menjadikan setiap sesuatu</b>	"Katakanlah: 'Allah Pencipta setiap sesuatu.'" (Surah al-Ra'd 13: 16)
Ketetapan itu telah <b>dicatat di Lohmahfuz</b>	"Tidak ada yang menimpa daripada musibah di bumi dan tidak juga pada diri kamu melainkan telah tertulis dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menciptakannya." (Surah al-Hadid 57: 22)

pemakanan atau melakukan senaman.

Sebaliknya jika Allah berkehendak agar kita sakit, maka kita akan sakit walaupun kita mengawal pemakanan dan berusaha menjaga kesihatan. Begitu juga dalam aspek nasib di akhirat nanti. Andai ketetapannya ialah syurga, sudah pasti syurga. Sebaliknya jika ketetapan Allah terhadap seseorang ialah neraka, sudah pasti neraka baginya.

Imam al-Nawawi menukilkan kalam Imam al-Khattabi bagi menjelaskan maksud fahaman ini: "Ramai manusia menyangka bahawa makna qadar dan qadar sebagai satu paksaan daripada Allah bagi hamba-Nya, dan tekanan Allah atas segala yang Dia tetapkan dan kehendaki. Sesungguhnya, perkara tersebut tidak seperti yang mereka wahamkan (sangka-sangka)." (Sharr Sahih Muslim, hlm. 129)

### Hakikat Qadar

Pandangan-pandangan yang disebutkan di atas bukanlah pandangan yang benar-benar memahami maksud qadar. Beriman dengan qadar bermaksud kita mengimani bahawa sesuatu itu berlaku



**Mohammad Nidzam Abd. Kadir (Al-Jarumi)**

Lulusan diploma KUSZA, Sarjana Muda Universiti Al-Azhar, Kaherah dan Ijazah Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Juga mempunyai pengalaman pengajian di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan. Kini pensyarah di UIAM. Boleh dihubungi di e-mel: nidium@yahoo.com.

bukan dengan agak-agak, tidak berlaku dengan ketidaktentuan dan sebagainya. Sebaliknya, qadar bermaksud sesuatu itu berlaku dengan ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah.

Sesungguhnya, Allah Taala bersifat Maha Mengetahui iaitu sifat al-'Alim. Sifat al-'Alim ini meliputi segala perkara. Allah Taala mengetahui sejak azali lagi akan perkara-perkara yang bakal berlaku sebelum ia berlaku. Bahkan, Allah Taala menentukan masa sesuatu perkara itu berlaku, tempat ia berlaku, kadar ia berlaku, bentuk, sifat dan sebagainya. Jelaslah, sesuatu itu berlaku dengan *iradah* (kehendak) dan *qudrat* (kuasa) Allah.

Firman Allah s.w.t., maksudnya: "Sesungguhnya, Kami menciptakan sesuatu dengan menurut takdir (qadar yang telah ditentukan)." (Surah al-Qamar 54: 49)

Allah s.w.t. berfirman lagi yang ber maksud: "Dan Allah yang menciptakan setiap sesuatu, lalu Allah menetapkan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna." (Surah al-Furqan 25: 2)

Imam al-Nawawi menjelaskan: "Dan ketahuilah bahawa mazhab ahli hak adalah penetapan qadar. Ini bermakna Allah menentukan sesuatu perkara sejak azali dan Allah tahu bahawa ia akan berlaku pada waktu yang diketahui-Nya dan atas sifat yang khusus. Maka, ia berlaku atas apa-apa yang telah Allah qadarkan." (Sharr Sahih Muslim, hlm. 128)